



PRODUCT FEATURES OF
Maybank Islamic Berhad Maybank2u Savers-i Account

1. Maybank2u Savers-i is an online Islamic savings account whereby the customers can apply via Maybank2U.com secured site. Currently, Maybank2u Savers-i is only open to Maybank2u.com users with user ID and password authentication at Maybank2u.com secured site from 6 a.m. to 11.50 p.m. daily.

This account will provide convenience and hassle free process as customers can now apply and close Maybank2u Savers-i via Maybank2u.com without the need to visit the branch except for application of Maybankard Bankcard (ATM Card/ Debit Card). Upon successful application, account will be activated real time and new account number will be provided. Successful account creation will be notified to the customers via short messaging service (SMS).

2. This account is applicable to individual both residents and non-residents of Malaysia aged 18 and above. Customers are only allowed to apply for one (1) Maybank2u Savers-i account.
3. Joint and In-Trust account is not allowed.
4. The minimum deposit is RM250.00 and will be capped at all times i.e. customer is not allowed to withdraw/debit from Maybank2u Savers-i if the account balance is less than or equals to RM250.00
5. Customers who have current account (CA), savings account (SA) or Mudarabah Investment Account attached to Maybank2u.com can make the 1st deposit to Maybank2u Savers-i from any of their existing CASA or Mudarabah Investment Account. For those customers who do not have any CASA or Mudarabah Investment Account attached to Maybank2u.com, they can make the 1st deposit to Maybank2u Savers-i via Cheque Deposit Machine (CQM), Cash Deposit Machine (CDM) or MEPS Interbank Giro (IBG) from other Banks once they have obtained Maybank2u Savers-i account number.

Notes : The account will be automatically closed after 14 days from creation date if the balance still remains zero.

6. Maybank2u Savers-i is a passbookless Savings Account and no passbook would be issued. Maybank2u Savers-i accountholders can view the monthly statement (up to 3 months) online via Maybank2u.com secured site under My Statements.
7. For ATM/Debit Card, customers have the option to choose either a Maybankard Bankcard (ATM Card), Master Debit Platinum or Visa Debit Card as follows :-

Maybank customers with ATM/Debit Card

Maybank2u Savers-i will automatically be tied to the existing ATM/Debit Card linked to the Maybank2u.com access of which the customers apply the account from. The customer's existing ATM/Debit Card fee option applies which as follows :-

1. Free the first four (4) withdrawals in a month at any Maybank ATM. Fifth withdrawal and above in a month will be charged RM0.50 per withdrawal. However, fees is waived if the customer's account balance is more than RM5,000 at the time of withdrawal; or
2. An annual fee of RM8.00 per ATM card to enjoy unlimited withdrawals per year

Maybank customer with NO ATM/Debit Card

Customer has to apply for ATM/Debit Card at branch and will be charged at annual fee of RM8.00 per ATM card to enjoy unlimited withdrawals per year.

Note : The fee is subject to prevailing Government Service Tax (GST) rate.

8. Charges imposed to Maybank2u Savers-i customer are as follows :

A fee of RM5.00 per transaction

A fee of RM5.00 will be charged if the customers perform transactions over the counter (OTC) for transactions that can be fulfilled/done at Maybank2u.com or at Maybank kiosks.

Some of the examples of the transactions are as follows :

1. Withdrawal less than RM5,000
2. Perform GIRO transaction less than RM5,000
3. Transfer money less RM5,000

Notes : Maybank2u Savers-i customers are also subject to the existing charges imposed to other savings account. For details of the charges, please refer to Maybank fees and charges at our website : www.maybank2u.com.my. Fees and charges imposed for Maybank2U Savers-i is subject to the prevailing Government Service Tax (GST) rate.

9. Customers can submit for account closure via Maybank2u.com. There are three (3) balance transfer methods for account closure namely own account transfer, 3rd party transfer or Interbank GIRO transfer (IBG). If the customer has selected own account transfer as the closure balance transfer method, the profit entitlement as well as the service charge (if any) will be calculated and account will be closed online.
On the other hand, if customer has selected 3rd party transfer or IBG as closure balance transfer method, the closure will be handled within 3 working days and customer will be notified on the closure status (successful or failed) via SMS.
Note : A service charge of RM20.00 will be imposed if the account is closed within 3 months from the account activation date.
10. This product features must be read together with the existing General Terms and Conditions Governing Banking Accounts for Islamic Banking and Terms and Conditions of Maybank2u Savers-i at Maybank2u.com or www.maybankislamic.com.my
11. The Bank reserves the right at its absolute discretion to vary, supplement, delete, amend or modify to any of these Terms and Conditions from time to time by giving at least minimum of 21 days prior notice thereof. The notice setting out the variation, supplemental, deletion, amendments or modification, as the case may be to these Terms and Conditions and duly varied, amended, supplemented and modified Terms and Conditions shall be posted on www.maybank2u.com or www.maybankislamic.com.my.

CIRI PRODUK

Akaun Maybank2u Savers-i Maybank Islamic Berhad

1. Maybank2u Savers-i merupakan akaun simpanan Islam dalam talian yang boleh dipohon oleh pelanggan melalui laman sesawang Maybank2u.com yang selamat. Buat masa ini Maybank2u Savers-i hanya dibuka untuk pengguna Maybank2u.com yang mempunyai ID pengguna dan pengesahan kata laluan di laman sesawang Maybank2u.com yang selamat dari pukul 6 pagi hingga 11.50 malam setiap hari.

Akaun ini memberi kemudahan dan menyediakan proses yang ringkas memandangkan pelanggan kini boleh memohon dan menutup Maybank2u Savers-i melalui Maybank2u.com tanpa perlu hadir di cawangan kecuali untuk memohon Kad Bank Maybankard (Kad ATM/Kad Debit). Sebaik sahaja permohonan Berjaya, akaun akan diaktifkan secara masa nyata dan nombor akaun baharu akan diberikan. Status pembukaan akaun yang Berjaya akan dimaklumkan kepada pelanggan melalui khidmat pesanan ringkas (SMS).

2. Akaun ini terbuka kepada individu warganegara dan bukan warganegara Malaysia berumur 18 tahun ke atas, Pelanggan hanya dibenarkan untuk memohon satu (1) akaun Maybank2u Savers-i sahaja.
3. Akaun Bersama dan Akaun Amanah tidak dibenarkan.
4. Deposit minimum ialah RM250.00 dan akan dikekalkan pada setiap masa, iaitu pelanggan tidak dibenarkan membuat pengeluaran/mendebit daripada Maybank2u Savers-i jika baki dalam akaun kurang daripada atau berjumlah RM250.00.
5. Pelanggan yang mempunyai akaun semasa (CA), akaun simpanan (SA) atau Akaun Pelaburan Mudarabah yang menggunakan Maybank2u.com boleh membuat deposit pertama ke Maybank2u Savers-i daripada mana-mana CASA atau Akaun Pelaburan Mudarabah mereka yang sedia ada. Bagi pelanggan yang tidak mempunyai CASA atau Akaun Pelaburan Mudarabah yang menggunakan Maybank2u.com, mereka boleh membuat deposit pertama ke Maybank2u Savers-i melalui Mesin Deposit Cek (CQM), Mesin Deposit Tunai (CDM) atau MEPS GIRO Antara Bank (IBG) daripada Bank lain sebaik sahaja mereka memperolehi nombor akaun Maybank2u Savers-i.

Catatan : Akaun akan ditutup secara automatik selepas 14 hari dari tarikh pembukaan akaun jika baki kekal sifar.

6. Maybank2u Savers-i merupakan Akaun Simpanan tanpa buku akaun dan buku akaun tidak akan dikeluarkan. Pemegang akaun Maybank2u Savers-i boleh melihat penyata bulanan (sehingga 3 bulan) secara dalam talian melalui laman sesawang Maybank2u.com yang selamat di bawah Penyata Saya (My Statements).
7. Bagi Kad ATM/Kad Debit, pelanggan diberi pilihan untuk memilih antara Kad Bank Maybankard (Kad ATM), Debit Platinum Master atau Kad Debit Visa seperti berikut :-

Pelanggan Maybank dengan Kad ATM/Kad Debit

Maybank2u Savers-i akan terikat secara automatic pada Kad ATM/Debit sedia ada yang terpaut kepada akses Maybank2u.com yang pengguna gunakan untuk memohon akaun. Opsyen fi Kad ATM/Kad Debit pelanggan yang sedia ada boleh diguna pakai seperti berikut :-

1. Percuma bagi empat (4) pengeluaran pertama dalam sebulan di mana-mana ATM Maybank. Pengeluaran kelima dan seterusnya dalam sebulan akan dikenakan RM0.50 bagi setiap pengeluaran. Namun, fi dikecualikan jika akaun pelanggan mempunyai baki melebihi RM5,000 semasa pengeluaran atau
2. Fi tahunan RM8.00 bagi setiap kad ATM untuk menikmati pengeluaran tanpa had sepanjang tahun.

Pelanggan Maybank Tanpa Kad ATM/Kad Debit

Pelanggan hendaklah memohon Kad ATM/Kad Debit di cawangan dan akan dikenakan fi tahunan RM8.00 bagi setiap kad ATM untuk menikmati pengeluaran tanpa had sepanjang tahun.

Catatan : Fi tersebut adalah tertakluk kepada kadar semasa Cukai Perkhidmatan Kerajaan (GST).

8. Caj yang dikenakan kepada pelanggan Maybank2u Savers-i adalah seperti berikut :-

Bayaran RM5.00 bagi setiap transaksi

Fi sebanyak RM5.00 akan dikenakan jika pelanggan membuat transaksi melalui kaunter (OTC) bagi transaksi yang boleh dilaksanakan/dilakukan melalui Maybank2u.com atau kios Maybank.

Antara contoh transaksi tersebut adalah seperti berikut :-

1. Pengeluaran kurang daripada RM5,000
2. Menjalankan transaksi GIRO yang kurang daripada RM5,000
3. Pemindahan wang kurang daripada RM5,000

Catatan : Pelanggan Maybank2u Savers-i juga tertakluk kepada caj sedia ada yang dikenakan ke atas akaun simpanan pelaburan lain. Bagi butiran caj, sila rujuk fi dan caj Maybank di laman sesawang kami : www.maybank2u.com.my. Fi dan caj yang dikenakan untuk Maybank2U Savers-i adalah tertakluk kepada kadar semasa Cukai Perkhidmatan Kerajaan (GST).

9. Pelanggan boleh memohon untuk menutup akaun melalui Maybank2u.com. Terdapat tiga (3) kaedah pemindahan baki untuk penutupan akaun, iaitu pemindahan ke akaun sendiri, pemindahan ke akaun pihak ketiga, atau IBG. Jika pelanggan memilih pemindahan ke akaun sendiri sebagai kaedah pemindahan baki penutupan akaun, kelayakan dividen dan caj perkhidmatan (jika ada) akan dihitung dan Akaun akan ditutup secara dalam talian.

Sebaliknya, jika pelanggan telah memilih pemindahan pihak ketiga atau IBG sebagai kaedah pemindahan baki penutupan akaun, penutupan akan diuruskan dalam tempoh 3 hari bekerja dan pelanggan akan dimaklumkan tentang status penutupan akaun (berjaya atau gagal) melalui SMS.

Catatan : Caj perkhidmatan sebanyak RM20.00 akan dikenakan jika akaun ditutup dalam tempoh 3 bulan dari tarikh pengaktifan akaun.

10. Ciri produk ini mesti dibaca bersama dengan Terma dan Syarat Akaun Bank bagi Perbankan Islam serta Terma dan Syarat Maybank2u Savers-i yang sedia ada di Maybank2u.com atau di www.maybankislamic.com.my.
11. Pihak Bank mempunyai hak mutlak menurut budi bicaranya untuk mengubah, menambah, menggugurkan, meminda atau mengubahsuai mana-mana Terma dan Syarat dari semasa ke semasa dengan memberi notis sekurang-kurangnya 21 hari sebelumnya. Notis yang menyatakan perubahan, penambahan, pengguguran, pindaan atau pengubahsuaian, mengikut mana yang berkenaan, ke atas Terma dan Syarat ini serta Terma dan Syarat yang telah diubah, dipinda, ditambah dan diubahsuai tersebut akan dipaparkan di www.maybank2u.com atau di www.maybankislamic.com.my.